

23 APR 2002

LEAD MCA-Status Quo/I

MCA KEKALKAN STATUS QUO SEHINGGA 2005

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Penyandang jawatan di semua peringkat dalam MCA akan dikekalkan dalam pemilihan parti yang akan berlangsung seperti dijadualkan, presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengumumkan hari ini.

Kesemua penyandang jawatan dari peringkat bahagian sehingga ke pusat akan dicalonkan semula untuk terus memegang jawatan masing-masing untuk penggal tiga tahun seterusnya sehingga 2005, katanya.

Keputusan itu dicapai sebulat suara pada mesyuarat jawatankuasa pusat (CC) parti itu hari ini sebagai menyokong "agenda perdamaian dan kestabilan" yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami sebulat suara bersetuju menyokong agenda itu, dan dengan itu, mengekalkan status quo di semua peringkat, daripada bahagian hingga ke negeri dan pusat," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa itu selama dua jam di ibu pejabat parti di sini.

Sidang media itu dihadiri semua pemimpin MCA, sama ada daripada Team A yang menyokong Ling, atau daripada Team B yang menyokong timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek.

"Kami berterima kasih kepada perdana menteri kerana mengambil berat tentang perpaduan kami, dan kami sebulat suara bersetuju untuk bekerjasama bagi mengekalkan kedamaian dan kestabilan dalam parti," katanya.

Dr Ling juga mengumumkan bahawa penamaan calon manakala pemilihan bagi Pemuda dan Wanita ditetapkan pada 14 Mei. Pemilihan peringkat bahagian ialah pada 15 Mei.

Beliau berkata pemilihan parti diadakan bagi mematuhi perlembagaan parti yang mensyaratkan ianya diadakan sekali dalam tempoh tiga tahun.

Dr Ling berkata pemimpin-pemimpin daripada kedua-dua pihak akan menasihati dan meminta semua penyokong mereka supaya akur dengan agenda perdamaian dan kestabilan yang dikemukakan oleh Dr Mahathir demi kepentingan Barisan Nasional.

Ketika ditanya sama ada keputusan untuk mengekalkan penyandang bagi semua jawatan itu sebagai satu nasihat atau arahan, beliau berkata : "Ini adalah satu nasihat dan kami akan nasihatkan mereka."

Mengenai tindakan yang akan dikenakan terhadap mana-mana anggota parti yang enggan mematuhi nasihat itu, Dr Ling berkata perkara itu akan ditangani jika ia berlaku.

Katanya keputusan mengekalkan status quo itu meliputi juga pergerakan pemuda, yang digantung sejak tahun lepas dan kini dikendalikan oleh satu jawatankuasa tiga anggota.

"Selepas pemilihan nanti, (tindakan menggantung) ini akan ditarik balik," katanya.

Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek pula berkata beliau menyambut baik keputusan mengekalkan status quo itu kerana perkara paling penting ialah perpaduan parti.

"Jika kita sama-sama bekerja untuk masyarakat dan negara, saya yakin kita akan mencapainya," katanya.

Mengikut agenda perdamaian dan kestabilan itu, kedua-dua pihak yang bertelagah itu dikehendaki menandatangani satu memorandum persefahaman mengandungi tiga perkara.

Perkara-perkara itu ialah pemilihan parti dibatalkan, status quo kepimpinan parti dikekalkan dan mesyuarat agung luar biasa yang dicadangkan oleh Team B, dibatalkan.

-- BERNAMA
AT ZS MAI